

MASALAH DAN CABARAN GURU TAHFIZ DALAM PELAKSANAAN PENGAJARAN TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB SEKOLAH MENENGAH DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Siti Khadizah Kaimin

Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : +60138185014, Emel: skdz_diez82@yahoo.com.my

Ahmad Yussuf, UM

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, UM

Abstrak

Dunia pendidikan semakin menuju kepada kemajuan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang juga semakin pantas dan pesat membangun. Guru tidak ketinggalan mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi pengajaran dengan menggunakan teknologi masa kini yang diaplikasikan di dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran yang berkesan hasil daripada pendekatan yang dilakukan oleh guru terhadap pelajar secara berkesan. Melaksanakan pengajaran berkesan memerlukan persediaan yang sistematik. Guru tahfiz juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan pengajaran yang bersistem walaupun Kurikulum Bersepadu Tahfiz masih baharu dilaksanakan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) telah mula dilaksanakan sejak tahun 2014 lagi merangkumi subjek *Hifz Al-Quran* dan *Maharat Al-Quran*. Guru kini berdepan dengan pelbagai cabaran melaksanakan pengajaran di sekolah dan perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran. Penulisan ini bertujuan membincangkan masalah dan cabaran berkaitan pelaksanaan pengajaran guru tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah KPM. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah sorotan kepustakaan. Hasil kajian mendapati tiga masalah yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan pengajaran guru TMUA iaitu kemahiran pedagogi, kemahiran psikologi dan kemahiran komunikasi. Di samping itu, cabaran melibatkan guru, pelajar dan bahan bantu mengajar dalam pengajaran tahfiz perlu ditangani dengan sebaiknya. Pengajaran guru yang berkesan dapat memberi impak positif kepada pencapaian prestasi pelajar. Penelitian terhadap isu dalam pengajaran tahfiz salah satu langkah ke arah penambahbaikan pelaksanaan pengajaran guru di sekolah bahkan menjadikan institusi pendidikan tahfiz di negara ini penting kepada pembentukan generasi muslim yang cemerlang di dunia mahupun akhirat.

Kata Kunci : Pengajaran, Tahfiz Model Ulul Albab, Hifz Al-Quran, Maharat Al-Quran

Pendahuluan

Perkembangan institusi tahfiz di Malaysia semakin berkembang pesat dari masa ke semasa dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Penubuhan institusi tahfiz di bawah kelolaan kerajaan negeri, institusi tahfiz persendirian dan swasta juga menunjukkan peningkatan dan wujud usaha positif untuk memartabatkan program pengajian tahfiz di Malaysia dengan pelbagai penambahbaikan sistem program pengajian (Solahuddin Ismail, 2018).

Pihak kerajaan turut berusaha mengembangkan struktur kurikulum dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016) . Sejak 2014, terdapat 3 buah sekolah rintis Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah ditubuhkan iaitu Sekolah Menengah Agama Kuala Kerian, Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Bentong dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Rawang. Berdasarkan dataset 2018 menunjukkan Enrolmen Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) adalah seramai 6,799 orang pelajar daripada 16 buah sekolah di seluruh negara. (KPM,2018) . Pendidikan tahfiz semakin berkembang dan kini sekolah KPM yang melaksanakan pendidikan tahfiz sebanyak 32 buah sekolah, bilangan murid seramai 12,689 orang dan bilangan guru seramai 1,097 orang (Muhammad Hafiz Salleh,2021)

Sehingga kini, KBT terus diperluaskan ke beberapa buah sekolah di negeri yang lain dan kesemua sekolah ini adalah dibawah kelolaan bahagian pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Menjadi cabaran kepada pihak pelaksana dasar khususnya di peringkat sekolah, guru berdepan dengan cabaran melahirkan generasi al-Quran yang dapat mencapai visi dan misi pelaksanaan pendidikan tahfiz di negara ini. Bukan itu sahaja, cabaran masa hadapan juga perlu dihadapi dengan bijak agar proses transformasi pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik serta harapan yang ditetapkan dapat dicapai (Norlizah Che Hassan et.al., 2018). Selain mendepani cabaran, pelbagai masalah yang menjadi isu perlu dihadapi bagi menambahbaik sistem pendidikan tahfiz yang semakin berkembang.

Peranan guru dalam melaksanakan pengajaran di sekolah bukan suatu yang mudah. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terus berusaha membentuk gelombang baru dalam pendidikan negara ke arah melahirkan guru yang berkemahiran, mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang ilmu seterusnya guru mampu melahirkan pelajar seorang insan yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia. Disamping itu, pelajar mampu berfikir secara kritis seterusnya mampu mendepani cabaran abad 21 yang sangat mencabar ini (KPM,2012).

Pembelajaran Tahfiz Model Ulul Albab

Guru tahfiz bertanggungjawab menguruskan dua mata pelajaran peringkat menengah rendah iaitu *Hifz Al-Quran* dan *Maharat Al-Quran*. Bekalan Guru Tahfiz adalah dibawah tanggungjawab KPM. Dalam memastikan kejayaan pelaksanaan KBT, Guru Tahfiz mempunyai peranan khusus iaitu melaksanakan aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran mengikut jadual yang ditetapkan bermula 6.30 pagi hingga 2.00 petang. Guru tahfiz juga melaksanakan tahriri hafazan dan hafazan baru (7.00 malam hingga 9.00 malam) mengikut jadual yang ditentukan oleh pihak sekolah dan memastikan aktiviti qailullah dilaksanakan. Peranan guru tahfiz adalah sama dengan guru akademik. Masa rasmi guru tahfiz mempunyai dua sesi iaitu sesi pertama bermula jam 6.30 pagi hingga selesai Solat zohor dan sesi kedua bermula pukul 7.00 malam hingga 9.00 malam mengikut jadual yang telah ditetapkan (KPM,2015).

Hifz al-Quran ialah mata pelajaran yang menghendaki murid menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun di bawah bimbingan guru tahfiz. Guru tahfiz menjalankan beberapa kaedah pengajaran bagi mata pelajaran ini seperti kaedah *Tahriri* Hafazan, Hafazan Baru, *Tahdir*, *Tasmik*, *Murajaah* dan *Fiqh* al-Ayat.

Tahriri Hafazan ialah aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku yang disediakan bagi persediaan tasmik. Hafazan Baharu ialah aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik pada keesokan hari. Waktu pelaksanaan adalah 7.00 malam hingga 9.00 malam termasuk solat maghrib dan isyak. Manakala nisbah guru dan murid adalah 1:30. Antara aktiviti semasa pelaksanaan *Tahriri Hafazan* ialah pelajar akan menulis ayat-ayat hafazan baharu (*Tahriri Hafazan*) sebanyak 1 muka surat secara individu selama 30 minit antara jam 7.00 malam hingga 7.30 malam. Setelah itu pelajar akan menunaikan solat maghrib secara berjemaah selama 15 minit antara jam 7.30 hingga 7.45 malam. Selesai solat pelajar akan menghafaz ayat-ayat hafazan baharu sebanyak 1 muka surat secara individu selama 60 minit antara jam 7.45 malam hingga 8.45 malam. Kemudian menunaikan solat Isyak secara berjemaah selama 15 minit antara jam 8.45 malam hingga 9.00 malam. Guru Tahfiz yang bertugas bertanggungjawab memastikan setiap murid menulis dan menghafaz ayat-ayat hafazan baharu sebanyak 1 muka surat. Mereka juga berperanan sebagai tempat rujukan murid selama aktiviti *tahriri* dan hafazan baharu. Bagi sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak penetapan waktu bagi aktiviti *Tahriri* dan Hafazan Baharu adalah mengikut kesesuaian waktu setempat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Tahdhir ialah aktiviti mengulang ayat-ayat hafazan baharu bagi persediaan tasmik. Waktu pelaksanaan adalah 6.30 pagi hingga 7.10 pagi dan nisbah guru dan pelajar adalah 1:10. Aktiviti pelaksanaannya ialah menyemak dan memperkukuhkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti tasmik (4 minit : 1 murid). Sementara itu, *Tasmik* pula ialah aktiviti memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu. Pelaksanaan *Tasmik* adalah 7.30 pagi hingga 9.30 pagi dan nisbah guru dan murid adalah 1:10. Aktiviti pelaksanaan *Tasmik* ialah mengemukakan tulisan ayat-ayat hafazan baharu yang ingin ditasmik kepada guru. Ayat-ayat tersebut ditulis sendiri oleh murid dalam Buku *Tahriri Hafazan* yang disediakan. Pelajar juga akan memperdengarkan ayat-ayat hafazan baharu sebanyak 1 muka surat sehari di hadapan guru secara individu antara jam 7.30 pagi hingga 8.10 pagi (4 minit : 1 murid). Aktiviti ini berlaku pada 4 hari pertama minggu pembelajaran.

Manakala *Murajaah* ialah aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz di hadapan guru secara individu. *Murajaah* hafazan baharu adalah sebanyak 2 muka surat sebelum muka surat *Tasmik* di hadapan guru secara individu antara jam 8.10 pagi hingga 8.50 pagi (4 minit : 1 murid). Aktiviti ini berlaku pada 4 hari pertama minggu pembelajaran. Sebagai contoh, sekiranya muka surat *Tasmik* ialah muka surat 20 maka *Murajaah* Hafazan Baharu ialah muka surat 18 dan 19. *Murajaah* Hafazan Lama pula adalah aktiviti mengulang hafazan dua muka surat secara bergilir-gilir (kaedah tadarus) sebanyak 1 juzuk sebelum Juzuk *Tasmik*. Setiap murid melakukan *murajaah* di hadapan guru antara pukul 8.50 pagi hingga 9.30 pagi (4 minit : 1 murid). Aktiviti ini berlaku pada 4 hari pertama minggu pembelajaran. Sebagai contoh, sekiranya Juzuk *Tasmik* semasa ialah juzuk 2 maka *murajaah* hafazan lama ialah juzuk 1. *Murajaah* Mingguan pula adalah aktiviti mengulang bacaan sebanyak empat muka surat meliputi semua muka surat yang telah dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru secara individu antara jam 7.30 pagi hingga 8.30 pagi (6 minit : 1 murid). Aktiviti ini berlaku pada hari ke 5 minggu pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Manakala *fiqh al-ayat* pula menerangkan intisari ayat-ayat hafazan (*fiqh al-ayat*) yang telah dihafaz pada minggu tersebut sebanyak 4 muka surat di hadapan guru secara individu antara jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi (6 minit : 1 murid). Aktiviti ini berlaku pada hari ke 5 minggu pembelajaran. Guru tahfiz merekodkan aktiviti *Tasmik*, *Murajaah* Hafazan Baharu, *Murajaah* Hafazan Lama, *Murajaah* Mingguan dan *Fiqh al-Ayat* dalam buku rekod yang disediakan.

Maharat al-Quran pula terdiri daripada beberapa bidang iaitu Tilawah, Adab al-Quran, Tajwid, *Manhaj Qiraat*, *Amali Qiraat* dan Rasm Uthmani. Dalam bidang Tilawah pelajar tingkatan satu menghabiskan bacaan 6 juzuk al-Quran iaitu 30, 1,2,3,4 dan 5. Tingkatan dua pula pelajar akan membaca 9 juzuk iaitu terdiri daripada juz 6,7,8,9,10,11,12,13 dan 14. Tingkatan tiga sebanyak 9 juzuk berikutnya iaitu juz 15,16,17,18,19,20,21,22 dan 23. Tingkatan empat sebanyak 6 juz iaitu 24, 25,26,27,28 dan 29.

Bidang adab al-Quran merangkumi beberapa komponen iaitu pengenalan al-Quran, kelebihan membaca dan menghafaz al-Quran, mentarjihkan *qari* al-Quran, kemuliaan ahli al-Quran, adab guru dan pelajar, adab menghafaz al-Quran, adab bersama al-Quran, adab terhadap al-Quran, ayat dan surah yang disunatkan membaca pada waktu dan keadaan tertentu dan hukum menulis dan memuliakan mushaf. Bidang Tajwid, Manhaj *Qiraat* dan Amali *Qiraat* dibahagikan tajuk berdasarkan tingkatan.

Bidang tajwid tingkatan satu terbahagi kepada beberapa tajuk iaitu *Mabadi'* ilmu Tajwid, hukum belajar dan mengamalkan ilmu Tajwid, hukum wajib membaca al-Quran secara bertajwid, kesalahan bacaan al-Quran, jenis-jenis bacaan al-Quran, hukum Isti'azah dan Basmalah, hukum Nun Sakinah dan Tanwin. Tingkatan dua akan mempelajari hukum *Mim Mati*, hukum *Nun* dan *Mim Sabdu*, bab *Lam Mati*, bab *Lam Lafaz al Jalalah* dan bab *Ra'*. Tingkatan tiga merangkumi tajuk bab *al-Mad* dan *al-Qasr*. Manakala tingkatan empat bab *Makhraj al-Huruf* dan *Sifat al-Huruf* dan tingkatan lima merangkumi tajuk bab *al-Waqf*, *al Ibtida'* dan asas-asas bacaan *Riwayat Hafz*.

Bidang *Manhaj Qiraat* hanya terdapat di tingkatan empat dan lima sahaja. Tingkatan empat akan didedahkan dengan tajuk *taarif Ilmu Qiraat*, perbezaan al-Quran dan *al-Qiraat*, perbezaan *qiraat riwayat*, *wajah* dan *tariq*, sejarah dan pengumpulan ilmu *qiraat*, rukun-rukun *qiraat sahifah*, perbincangan *Ilmu Qiraat*, Pembahagian *qiraat*, pengenalan imam-imam *qiraat sab'ah*, *manhaj qiraat imam Nafi'*, *manhaj qiraat* imam Ibnu Kathir dan *manhaj qiraat* Imam Abu 'Amru. Pembahagian tajuk ditingkatan lima ialah *Manhaj qiraat* imam Ibnu 'Amir, *manhaj qiraat* imam 'Asim, *manhaj qiraat* imam Hamzah dan *manhaj qiraat* imam *al-Kisaie*.

Bidang amali *Qiraat* tingkatan empat merangkumi beberapa tajuk antaranya ialah Surah al-fatimah dan al-Baqarah ayat 1-74 yang dibaca secara *ifrad* berdasarkan Riwayat *Qalun*, *Warsy*, *al-Bazzi*, *Qunbul*, *al-Duri* dan *al-Susi*. Manakala tingkatan lima ialah Surah al-Fatihah dan al-Baqarah ayat 1-74 yang dibaca secara *ifrad* berdasarkan Riwayat Hisyam, Ibnu Zakuan, Syu'bah, Hafz, Khalaf, Khallad, Abu al-harith dan Duri al-Kisaie.

Bagi bidang *Rasm Uthmani* meliputi pengenalan ilmu *rasm*, sejarah penulisan *mushaf*, pembahagian *rasm* dan kaedah *rasm uthmani*. Secara keseluruhannya, setiap bidang telah diagih-agihkan sukatan tajuk yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh pelajar TMUA yang mengikuti KBT di sekolah terpilih.

Isu dalam pengajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran*

Pelaksanaan pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab memerlukan usaha dan persediaan diri seorang guru menyampaikan ilmu kepada pelajar. Hasil pengajaran tidak akan mencapai peningkatan tanpa meneliti masalah yang berlaku dalam pengajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran*.

i. **Hifz al-Quran**

Hasil dapatan Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang (2019) diperolehi daripada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017), Matlamat dan objektif untuk melahirkan pelajar TMUA menguasai bidang *Quranik*, *Ijtihadik* dan *Ensiklopedik* tidak dapat dicapai sepenuhnya. Hal ini disebabkan tumpuan utama pihak guru hanya terhadap bidang *Quranik* sahaja. Aspek memaksimumkan keupayaan berfikir, memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah serta kebolehan berfikir kreatif kurang diberikan penekanan semasa Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat Al-Quran*. Guru hanya memberikan tumpuan kepada hafazan murid dan kemahiran seperti tilawah, tajwid, adab al-Quran, *manhaj* al-Quran dan *rasm uthmani*. Guru juga didapati kurang mengaitkan secara bersepadu dan perkaitan antara ilmu al-Quran yang dipelajari dengan kehidupan seharian. Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA Kedah mendapati PdPc berkaitan bidang *Fiqh* Ayat tidak dilaksanakan secara tekal dan konsisten sebagaimana kandungan kurikulum TMUA. Hal ini menyebabkan

murid menggunakan masa di dalam *halaqah* untuk menghafaz ayat baharu sebelum ditasmik oleh guru.

Selain itu, laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis (2017) dalam Muhd Zulhilmi Haron , Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang (2019) mendapati pemantauan guru semasa pelaksanaan aktiviti *tahriri* (latihan menulis) dan bimbingan guru semasa aktiviti *tahdir* (persediaan hafazan) didapati agak longgar. Situasi ini memberi gambaran bahawa pelaksanaan aktiviti *tahriri* dan *tahdir* dilihat mengalami masalah kurang penekanan daripada guru TMUA. Kajian (Aznil Hashim,2013) juga menunjukkan guru kurang memberi saranan terhadap kaedah penulisan dalam hafazan. Mardhiah Yahaya (2016) dalam kajiannya turut mendapati guru-guru lebih menggunakan kaedah hafazan sendiri walaupun mereka jelas dan faham kaedah hafazan yang terdapat di dalam Modul Quranik dan juga mendapati guru tidak menggunakan kaedah *tahriri* di dalam PdP. Walaupun kajian yang dijalankan oleh Sri Andayani Mahdi Yusuf (2019) secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pengetahuan isi kandungan *Hifz al-Quran* dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi (min=4.45 dan sp=0.426) namun tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan isi kandungan *Hifz al-Quran* bagi memperuntukan waktu *tahriri* hafazan pada waktu malam didapati seramai 8 orang guru sangat tidak setuju, 22 orang tidak setuju dan 22 orang guru kurang setuju. Walau bagaimanapun wujud inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pentadbir sekolah bagi memperkukuhkan pemantauan oleh guru semasa sesi *tahriri* dan *tahdir*, namun masalah ini masih berlanjutan (Muhd Zulhilmi Haron , Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang,2019). Hasil dapatan ini, menunjukkan kesediaan guru tahfiz melaksanakan kurikulum TMUA perlu diperhalusi dan memerlukan penelitian yang mendalam daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

Antara isu dan masalah yang dihadapi dalam tempoh empat tahun pelaksanaan TMUA ini ialah keciciran hafazan secara terkumpul menjadi satu implikasi besar terhadap pencapaian dan prestasi murid Tahfiz Model UlulAlbab (TMUA) sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Masalah ini jelas kelihatan apabila murid tingkatan tiga yang belum menguasai hafazan berdasarkan sukatan yang ditetapkan di juzuk 9-18 memasuki tingkatan empat yang perlu menghafaz di juzuk 19-25 sebagaimana yang termaktub dalam sukatan (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Hanya 30 orang murid (5.13%) daripada 584 orang murid TMUA telah berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran dan sejumlah 70 orang murid (48.60%) belum menguasai sukatan hafazan yang ditetapkan semasa mereka di tingkatan tiga dan terus meninggalkan juzuk yang berbaki kerana terpaksa menghafaz sukatan baru bermula dari juzuk 19-25 di tingkatan empat. Keadaan ini akan menyebabkan keciciran hafazan murid terkumpul dan bertambah saban tahun dan memberikan implikasi kepada pencapaian objektif TMUA yang memerlukan murid untuk menghafaz 30 juzuk Al-Quran (Muhd Zulhilmi Haron , Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd. Isha Awang,2019).

Melalui kajian Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah (2016) walaupun secara keseluruhan pelajar memahami keperluan mata pelajaran *Hifz al-Quran* namun terdapat 12 orang (5.7%) pelajar berpendapat bahawa keperluan mata pelajaran *Hifz al-Quran* tidak dinyatakan dengan jelas dalam kurikulum Tahfiz Model Ulul-Albab. Dapatan kajian juga menunjukkan guru kurang memberi saranan terhadap kaedah penulisan dalam hafazan, kurang menjelaskan bahawa penulisan boleh mengukuhkan hafazan, kurang menyarankan kaedah penulisan pada ayat-ayat yang susah dan kurang memberi keyakinan kepada pelajar bahawa kaedah penulisan boleh mengelakkan daripada mudah terlupa (Aznil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali (2013). Masalah yang timbul daripada pendekatan yang menjadi amalan guru perlu menuju kepada perubahan yang dapat melonjakkan keberhasilan pelajar terutamanya peningkatan tahap pencapaian hafazan pelajar. Keciciran pasti berlaku apabila masalah tidak diambil perhatian yang serius dan perlu kepada penyelesaian atau tindakan daripada guru serta pihak pentadbir sekolah.

ii. Maharat al-Quran

Menurut kajian Sri Andayani Mahdi Yusuf (2019), mendapati walaupun tahap pengetahuan dan pemahaman guru tahfiz terhadap pengajaran KBT adalah tinggi namun masih terdapat sebilangan guru yang tidak bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran bagi mata pelajaran *Maharat al-Quran*. Hal ini dapat dibuktikan daripada jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 621 orang, hanya 169 orang guru sangat bersedia dan 176 orang guru bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran *Maharat al-Quran*. Namun masih terdapat 157 orang guru kurang bersedia, 79 guru tidak bersedia dan 40 orang guru sangat tidak bersedia menggunakan internet bagi silibus pelajaran *Maharat al-Quran* yang bersesuaian.

Pengajaran berkualiti menunjukkan keupayaan guru menyampaikan pelajaran dan kemahiran sehingga dapat menimbulkan motivasi serta perubahan tingkah laku yang positif kepada pelajar. Maka salah satu penekanan yang perlu oleh guru dalam kaedah pengajaran adalah cuba mengaitkan isi-isi penting dan pelajaran dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu dan yang sedia ada (King & Menke, 1992). Dalam kajian lepas, didapati kekerapan guru TMUA mengaitkan isi pelajaran dengan pelajaran lalu berada tahap sederhana tinggi iaitu seramai 41 orang sangat tidak kerap (6.6%), 50 orang tidak kerap (8.1%) dan 119 orang kurang kerap (29.0%) menunjukkan masih terdapat guru TMUA yang tidak menerapkan kaedah ini dalam pengajaran *Maharat al-Quran* (Sri Andayani Mahdi Yusuf, 2019). Hasil daripada beberapa kajian yang dijalankan, menunjukkan kesediaan guru penting dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seterusnya pelaksanaan kandungan yang telah termaktub dalam program Tahfiz Model Ulul Albab diterapkan sejajar dengan kehendak kementerian. Pelaksanaan kaedah pengajaran guru juga dipertingkatkan dari masa ke semasa dengan penggunaan teknologi masa kini agar pelajar tahfiz juga tidak ketinggalan dalam penerokaan ilmu dengan akses yang mudah.

iii. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Masalah lain yang dikenalpasti antaranya Guru TMUA masih mengamalkan pendekatan tradisional (Zainora Daud, 2015; Azmil Hashim, 2010) dan kurang berinovasi (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim, 2017) serta kurang berkesan (Noor Hisham Md. Nawi & Nasrun Hakim Salleh, 2017) semasa PdPc mata pelajaran *Hifz al-Quran*. Walaupun mereka sebenarnya mempunyai kelayakan dan ilmu pengetahuan (Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali, 2013). Majoriti guru TMUA lebih cenderung menggunakan kaedah *tasmik* secara meluas (Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Azmil Hashim, 2014) serta kaedah *talaqqi musyafahah* dan belum ada kaedah dan pendekatan terkini yang cuba diaplikasikan oleh guru (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Guru kurang memberikan perhatian dalam aplikasi teknologi dalam PdPc mereka (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Azmil Hashim, 2017). Ini menjadikan PdPc tidak mampu menarik perhatian murid.

Selain itu, didapati guru kurang memberi penekanan terhadap pembelajaran aktif semasa PdPc. Ini merujuk kepada taraf sederhana dengan skor hanya 69.48% hasil pencerapan PdPc yang dilakukan terhadap 10 orang guru adalah (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017). Pemerhatian semasa Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA Kedah mendapati daripada jumlah 53 orang guru TMUA, hanya seorang guru sahaja mengambil inisiatif dengan menghasilkan buku nota mudah "Buku Maharat Sambil Menyanyi". Di samping itu, guru juga kurang menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) berbentuk audio mahupun visual berkaitan *Qiraat al-Quran* sedangkan pihak sekolah menyediakan sumber pendidikan yang berkaitan. Masalah ini berpunca daripada guru yang kurang berkemahiran dalam mengendalikan BBM dan menganggap BBM sebagai objek yang

berasingan dengan bilik darjah (Salmiah Othman & Siti Eshah Mokshein, 2016). Tambahan lagi, guru kurang memberikan penekanan penggunaan BBM yang berteknologi ini disebabkan kurang pendedahan mahupun persediaan (Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, et al. 2016). Kesedaran dan galakkan dalam penggunaan BBM berteknologi dalam kalangan guru tahfiz perlu dipertingkatkan. Ini kerana keberkesanan pengajaran bergantung sepenuhnya kepada kemahiran dan sikap guru tersebut (Muhd Zulhilmi Haron et.al., (2020)

Walaupun guru TMUA menggunakan peralatan LCD, computer dan laptop semasa sesi pengajaran namun masih terdapat guru yang sangat tidak bersedia menggunakan internet bagi silibus pelajaran *Maharat al-Quran* yang bersesuaian. Sebagai seorang guru seharusnya menguasai kaedah dan aplikasi teknologi pembelajaran Abad ke-21 yang diterapkan pada masa kini dalam PdPc Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah. Ini kerana semakin tinggi kesediaan guru tahfiz dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap maka semakin cemerlanglah amalan pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) (Sri Andayani Mahdi Yusuf,2019). Kajian Mohamad Marzuqi et.al; 2016) menyatakan penggunaan ABH berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran juga masih berada pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan masalah ini perlu ditambahbaik lagi dalam pelaksanaan pengajaran di institusi pendidikan tahfiz negara ini.

Masalah Pelaksanaan Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab

Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tahfiz al-Quran menuntut golongan pendidik untuk meningkatkan kemahiran. Hasil dapatan daripada isu dalam pengajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran* terdapat tiga kemahiran yang dikenalpasti menjadi masalah dalam pelaksanaan pengajaran iaitu kemahiran pedagogi, kemahiran psikologi dan kemahiran komunikasi.

i. Kemahiran Pedagogi

Kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu berhubungkait kepada kebijaksanaan guru menyampaikan pelajaran. Antara isu pendidikan tahfiz adalah berkaitan kaedah dan teknik pengajaran tahfiz (Mardhiah Yahaya,2018). Pengajaran guru akan lebih berkesan sekiranya guru mempunyai kemahiran pedagogi tahfiz yang sepatutnya dalam proses penyampaian ilmu. Kaedah pengajaran tahfiz yang diamalkan masa kini lebih tertumpu kepada bidang konten sahaja, sementara bidang pedagogi kurang didedahkan (Abd.Rahman Abd Ghani, 2016). Selain itu, proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang tersusun masih belum dapat dilaksanakan dengan sempurna kerana kemahiran ikhtisas perguruan yang ditawarkan dalam institusi-institusi pendidikan tidak banyak menyumbang dalam kemahiran ikhtisas perguruan tahfiz (Azmil Hashim et. al., 2013).Proses pengajaran dapat dijalankan dengan sempurna apabila guru benar-benar bersedia dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik dalam pengajaran. Aspek kesediaan guru memberi pengaruh kepada amalan pengajaran guru tahfiz. Kemahiran dalam pengajaran tahfiz perlu dikenal pasti agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan secara berkesan (Sri Andayani Mahdi Yusuf,2019).

Selain itu, perkembangan teknologi yang pesat memerlukan institusi tahfiz terutamanya guru perlu menguasai teknologi agar proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menjadi mudah dan berkesan (Solahuddin Ismail,2016). Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz perlu kepada

kesepaduan pendekatan, amalan pengajaran, penggunaan ABH, interaksi dan adab bagi meningkatkan lagi kualiti pembelajaran tahfiz al-Quran demi mencapai pencapaian tahfiz yang berkesan (Aznil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, 2013) Faktor yang dikenalpasti punca kelemahan dalam pencapaian tahfiz ini adalah kelemahan dalam kaedah pengajaran tahfiz dan guru masih menggunakan kaedah tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz (Mohamad Marzuki, 2008; Aznil Hashim, 2010) Cabaran kesukaran menghafaz adalah cabaran yang sangat menuntut sokongan guru agar dapat berkongsi dan memberi panduan tentang kaedah hafazan yang sesuai dan berkesan (Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2019). Kelemahan dalam penggunaan strategi, kaedah dan teknik PdPc adalah faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pencapaian pelajar (Muhd Zulhilmi Haron, 2019). Guru juga masih menggunakan cara pengajaran yang lama berpandukan pengalaman terdahulu dan salah satu punca adalah belum ada modul pengajaran tahfiz yang standard untuk diguna pakai dalam proses PdPC (Siti Nurjanah Mastor Mustafa et. al, 2020) Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan perancangan strategi yang terancang, pelbagai isu akan timbul yang akhirnya memberi kesan kepada pembelajaran dan pencapaian prestasi pelajar.

ii. Kemahiran Psikologi

Kepentingan psikologi pendidikan memberikan panduan kepada guru untuk meningkatkan kecekapan proses pembelajaran. Menurut Abdul Jalil Othman et. al (2011) kerjaya sebagai guru merupakan profesion yang memerlukan ilmu pengetahuan dan latihan dalam pengetahuan psikologi kerana berhubungkait rapat dengan manusia. Guru dapat memahami perbezaan individu pelajar, dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di dalam kelas, dapat menjalankan pemilihan strategi dan metode pembelajaran, dapat memberikan bimbingan kepada pelajar dan menilai hasil pembelajaran (Abd Majid Mohd. Isa dan Rahil Mahyuddin, 1997). Melengkapkan guru dengan teori dan prinsip psikologi akan membantu meningkatkan kualiti pengajaran dalam bilik darjah serta membantu guru menggunakan teknik motivasi yang berkesan seterusnya mewujudkan hubungan baik diantara guru dan muridnya. Masalah persediaan aspek psikologi akan menjadi cabaran kepada guru untuk belajar menguasai kemahiran ini kerana berhadapan dengan pelajar memerlukan komitmen yang tinggi.

Guru tahfiz perlu mengenal pasti keupayaan murid menghafal al-Quran dan terus berusaha memastikan murid mengekalkan minat dalam menghabiskan hafazan terutamanya di saat pelajar merasa kurang semangat. Selain itu, guru menjadi faktor kepada sistem sokongan yang memberi kesan kepada kecemerlangan murid. Murid aliran tahfiz yang memerlukan masa dan sistem sokongan yang mampan bagi membantu mereka menghafaz juzuk al Quran dengan baik (Norlizah Che Hassan et. al., 2017) . Bimbingan dan bantuan guru dalam proses hafazan al-Quran dengan memberi semangat, nasihat dan ketegasan guru menjadi faktor pendorong kepada minat murid menghafaz al-Quran (Syarifah Noorhidayah binti Syed Aziz, 2020).

iii. Kemahiran Komunikasi

Kajian Sohana Abdul Hamid dan Hairun Najuwah Jamali (2017) menjelaskan bahawa kemahiran komunikasi adalah satu proses yang mampu memberi impak kepada minda individu yang lain. Menjadi cabaran kepada guru mempersiapkan diri dengan kemahiran komunikasi berkesan bagi memudahkan penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil kajian penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran KBD dan KBT,

menunjukkan dapatan kajian bagi kemahiran komunikasi bahasa memperlihatkan hampir 50% guru menyatakan tidak yakin menggunakan Bahasa Arab dalam pengajaran. Ini menunjukkan isu tahap penguasaan bahasa arab dalam pengajaran di kalangan guru perlu dititikberatkan (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2021). Khairul Anuar A. Rahman (2012) menyatakan sebagai seorang guru yang berkesan, seseorang perlu menguasai kesemua bidang komunikasi ini. Demikian juga menurut Sri Andayani Mahdi Yusuf (2019) dalam kajiannya menunjukkan amalan pengajaran boleh ditingkatkan dengan menggunakan kemahiran berkomunikasi secara berkesan.

Peranan guru tidak dapat dipisahkan daripada proses berkomunikasi dengan pelajar untuk menyampaikan ilmu kerana ia adalah amanah Allah S.W.T. Komunikasi yang berkesan adalah faktor penyumbang besar kepada kefahaman, pencapaian dan perubahan sahsiah seseorang pelajar (Sohana Abdul Hamid & Hairun Najuwah Jamali, 2017). Menjadi cabaran kepada guru berhadapan dengan pelajar yang berbeza tahap penguasaan dan kesediaan terhadap pelajaran. Pentingnya kemahiran komunikasi ada pada guru bagi mendepani situasi pelajar dalam bilik darjah. Sebagaimana menurut Ab. Halim (2005) menyatakan proses pendidikan yang berkesan memerlukan interaksi berkesan antara guru dengan murid. Hal ini menunjukkan betapa komunikasi berkesan memberikan impak yang positif dalam hubungan guru dan murid di sekolah. Guru juga perlu sentiasa memberi dorongan dan motivasi kepada murid agar mereka terus bersemangat untuk menghafaz al-Quran (Siti Norjanah Mastor Mustafa et.al., 2020). Maka guru hendaklah prihatin dan mengambil berat dengan penguasaan kemahiran terutamanya dalam bidang komunikasi berkesan.

Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab

Pelaksanaan pengajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran* bukan sesuatu yang mudah. Guru berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran yang memerlukan usaha berterusan dilakukan demi mencapai matlamat yang dikehendaki. Antara cabaran yang dikenalpasti daripada aspek diri guru, cabaran yang berlaku pada pelajar dan bahan pengajaran.

i) Guru TMUA

Guru tahfiz sebagai penggerak utama pelaksanaan pengajaran al-Quran di sekolah menengah Tahfiz Model Ulul Albab. Menjadi cabaran kepada guru untuk membina potensi seorang diri yang mampu menguasai kemahiran sebagai guru tahfiz yang berkesan. Menurut Siti Suriyani Sulaiman (2018) menyatakan sehebat manapun kaedah dan teknik yang ada, ia mungkin tidak akan berjaya sekiranya guru dan juga pihak yang terlibat dalam mengajar al-Quran tidak berusaha mengaplikasikan teknik dan kaedah yang baik itu dalam sesi pengajaran dan pembeajaran. Guru perlu mengupayakan diri dengan kepakaran bidang pengajaran tahfiz terutama pendedahan kepada murid dengan metode-metode penghafazan yang terkini dan tidak menekankan metode yang guru amalkan semata-mata.

Guru didapati mengajar mengikut pengalaman terdahulu dan antaranya agak membosankan kerana menggunakan cara pengajaran yang lama. Hal ini juga berpunca daripada tiada modul pengajaran tahfiz yang standard untuk diguna pakai dalam proses PdPC (Siti Norjanah Mastor Mustafa et.al., 2020). Maka menjadi cabaran kepada guru tahfiz mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang sempurna dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar.

ii) Pelajar

Tahap pemahaman dan penguasaan pelajar tahfiz adalah berbeza mengikut keupayaan masing-masing. Masalah yang sering berlaku dalam kalangan pelajar adalah daripada aspek pencapaian dan prestasi. Terdapat keciciran hafazan murid yang terkumpul setiap tahun pengajian menyebabkan mereka gagal menghabiskan sukatan hafazan sebanyak 30 juzuk sepanjang pengajian selama lima tahun di sekolah menengah (Siti Norjanah Mastor Mustafa, 2020).

Pelaksanaan pengajaran guru tahfiz secara berkesan perlu ditingkatkan dengan sistematik. Hal ini kerana cabaran dalam meningkatkan prestasi pelajar memerlukan kerjasama daripada semua pihak khususnya pihak pentadbir sekolah, guru-guru dan ibubapa. Usaha memperkasakan institusi tahfiz memerlukan perancangan berterusan agar objektif melahirkan para *huffaz* cemerlang berhasil dengan impak yang terbaik. Ia sekaligus mengukuhkan institusi tahfiz yang mampu melahirkan generasi Ulul Albab yang beriman, bertakwa, berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

iii) Bahan Pengajaran

Sejak program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) diperkenalkan pada tahun 2014, sehingga kini bahan bantu mengajar bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran* masih terhad (Muhd Zulhilmi Haron et.al., 2020). Penggunaan BBM dengan teknologi seiring perubahan masa kini sangat membantu keberkesanan pengajaran guru. Oleh itu, guru perlu memperkasakan pengajaran dengan lebih bermakna memandangkan sumber pengajaran masih kurang. Hal ini memerlukan usaha guru untuk lebih kreatif dan inovatif dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Situasi ini menjadi cabaran kepada pelaksanaan pengajaran tahfiz untuk mencapai objektif dalam hasil pembelajaran guru.

Guru TMUA perlu mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran serta bijak menentukan, menyesuaikan dan mengolah BBM agar ia bersesuaian dengan kehendak dan citarasa murid. Bahkan guru TMUA disarankan agar menggunakan teknologi moden dalam menyediakan BBM dalam usaha menarik minat murid (Muhd Zulhilmi Haron et.al., 2020).

Kesimpulan

Keberkesanan pelaksanaan pengajaran guru tahfiz di sekolah Tahfiz Model Ulul Albab memberikan impak positif kepada kemenjadian pelajar. Selain itu, guru mampu mencapai keberhasilan dalam penyampaian pelajaran terutamanya bagi subjek *Hifz Al-Quran* dan *Maharat Al-Quran* apabila pelajar dapat mencapai tahap penguasaan tertinggi dalam pelajaran. Hal ini, bukan lah sesuatu yang mudah untuk dicapai bahkan memerlukan latihan dan kemahiran guru tahfiz dalam bidang pengajaran. Penguasaan terhadap ilmu seorang guru juga diperlukan bukan sahaja dalam menyampaikan silibus pelajaran semata-mata tetapi juga dalam mendepani setiap masalah dan cabaran yang timbul.

Hasil kajian ini mendapati masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru ialah sebilangan guru tidak bersedia untuk melaksanakan amalan pengajaran bagi matapelajaran *Maharat al-Quran*, guru kurang memberi penekanan terhadap pembelajaran aktif semasa PdPc, Guru TMUA masih mengamalkan pendekatan tradisional dan kurang berinovasi seterusnya tidak semua guru TMUA menerapkan perkaitan isi pelajaran dengan pelajaran lalu. Dalam pengajaran *Hifz al-Quran*, guru hanya memberikan tumpuan kepada hafazan murid, kurang mengaitkan secara bersepadu dan perkaitan antara ilmu al-Quran yang dipelajari dengan kehidupan seharian, guru TMUA juga kurang menekankan aktiviti *tahriri* dan *tahdir*. Selain itu, tahap kesediaan guru dari

aspek pengetahuan isi kandungan *Hifz al-Quran* bagi memperuntukan waktu *tahriri* hafazan pada waktu malam tidak mencapai 100% kesediaan guru.

Jesteru, mengenalpasti masalah dalam pelaksanaan pengajaran guru perlu dikaji secara terperinci dan teliti agar tindakan penambahbaikan dapat dilakukan. Refleksi guru memperlihatkan hasil dan impak terhadap pelaksanaan pengajaran serta dapat melihat perkembangan pelajar terutama dalam penguasaan ilmu atau pelajaran secara berterusan. Selain itu, masalah yang berlaku menjadi cabaran kepada guru tahfiz mempersiapkan diri dengan kemahiran khususnya dari aspek pedagogi, psikologi dan komunikasi. Sebagai seorang pendidik sentiasa bersedia dan mempersiapkan diri dengan apa jua cabaran yang berlaku samada cabaran dalaman mahupun luaran.

Oleh itu, masalah dalam pelaksanaan pengajaran guru tahfiz perlu diambil perhatian. Kesan daripada kelemahan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah akan memberi implikasi kepada pelajar. Hal ini menyebabkan sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik sekolah. Jika berterusan, hasrat melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek agama dan akademik tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Rujukan

- Ab.Halim Tamuri. (2005). *Hala Tuju dan Cabaran Pendidikan Islam dalam Era Globalisasi*. Kerta Kerja Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam. Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 1 Mac.
- Abd Majid Mohd Isa dan Rahil Mhyuddin. (1997). *Psikologi pendidikan*. Publication Information: Longman, Petaling Jaya. Selangor Darul Ihsan :ISBN: 9789837408395.
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam dan Saedah Siraj.(2011). Cabaran Guru Program Linus dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. *Masalah Pendidikan*, 34, 2011.Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Malaysia.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri dan Misnan Jemali. (2013).Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia.*The Online Journal of Islamic Education January 2013, Vol. 1 Issue 1*.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali. (2013). *The Online Journal of Islamic Education January 2013, Vol. 1 Issue 1* .o j i e . u m . e d u . m y. Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Islam, KPM. (2021). *Kajian Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)*. Unit Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Islam, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selangor Darul Ehsan.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Wan Marzuki Wan Jaafar dan Lukman Abd Mutalib. (2019). Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia (Learning Challenges and Support Needed by Tahfiz Students at Selected Government-Funded Religious Schools in Malaysia). *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 3, December 2019, no. e-ISSN 2590-3799*.

- Khairul Anuar A. Rahman. (2012). Disposisi Guru Berkesan: Personaliti dan Kemahiran Komunikasi Effective Teacher Dispositions: Personality Traits and Communication Skills. *Akademika* 82(2) 2012: 37-44. Makalah / Article. <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/2765/1790>.
- King, D. & Menke, J. (1992). *Providing the instructors note: An effective additional to student notetaking*. *Educational Psychologist*, 20,33-39.
- Mardhiah Yahaya. (2017). Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA. (Tesis Sarjana) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mardhiah Yahaya. (2018). Isu Dan Cabaran Pendidikan Tahfiz : Satu Analisis. *Conference: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke 3, PASAK3 2018, At KUIS. eISBN: 978-967-2122-47-0*.
- Mardhiah Yahaya dan Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Amalan Guru Hafazan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab. *Jurnal Hal Ehal Islam dan Warisan Selangor*. Bil.2 No.1 2018. E-SSN 2600-7509.
- Mohd Khairuddin Abdullah , Khalid Hj Johari , Ag Yusof Ag Chuchu dan Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. Jabatan Pendidikan Sabah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal For Educational Thinkers) Vol. 5, Pp. 59-77, ISSN 1985-3637 (Print) © Universiti Malaysia Sabah, 2014*.
- Muhammad Hafiz Salleh (2021). Mendepani Isu dan Cabaran dalam Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Madrasah-Madrasah Tahfiz. *Webinar Serantau : Kelestarian Pendidikan Tahfiz Pasca Pandemik Covid-19 (22 September 2021)*.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Othman dan Mohd. Isha Awang. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (Tmua) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research Vol. 1, July, 2019, 289-316*.
- Muhd Zulhilmi, Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani dan Ismail Salleh. (2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Al-Hikmah 12 (2) 2020:1-17*.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, Rabi'atul Athirah Muhamad Isa dan Rosma Osman. (2016). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Dlm Buku *Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*.
- Nor Adzimah Subirin, Nor Hayati Alwi, Fathiyah Mohd Fakhrudin, Umi Kalthom Abdul Manaf dan Siti Suria Salim (2017). Ulul Albab Generation: Roles of Ulul Albab Teachers in Malaysian Selected School. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Vol. 7, Special Issue - 4th International Conference on Educational Research and Practice 2017 ISSN: 2222-6990*.
- Norlizah Che Hassan Fathiyah Mohd Fakhrudin ,Ahmad Fauzi Mohd Ayub dan Lukman Abd Mutalib. (2019). Cabaran Pembelajaran dan Sokongan yang Diperlukan oleh Murid Tahfiz di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Terpilih di Malaysia (*Learning Challenges and Support Needed by Tahfiz Students at Selected Government-Funded Religious Schools in Malaysia*). *JQSS –Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 3, December 2019, no. e-ISSN 2590-3799*.
- Noor Fadilah Ambo & Siti Eishah Mokhsein (2019). Trend & Isu Dalam Pembelajaran Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Di Malaysia. *Volume: 4 Issues: 27 [December 2019] pp.16-25] Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) eISSN: 0128-1755 Journal website: www.jised.com*.

- Noornajihan Jaafar dan Abd Halim Tamuri (2013). Hubungan Antara Efikasi Kendiri dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Education* 5(1),2013 41-60.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Mastor, K.A dan Izuli Dzulkifli (2020). Faktor yang Mendorong Minat Menghafaz Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN 2020)*. E-ISSN:2773-5001.10November 2020. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Siti Norjanah Mastor Mustafa (2020). Tahap Pencapaian Hafazan Murid TMUA Sekolah Menengah. *AL-HIKMAH Jilid 12 ISSN 1985-6822 2020M. No. 2. 1442*.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas .*E-Journal of Islamic Thought and Understanding Volume 2 Issue 1* January 2018 [Http://Ejitu.Uitm.Edu.My/](http://Ejitu.Uitm.Edu.My/) E-ISSN:2006-9617 .Page 44.
- Solahuddin bin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. *Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran*.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan IslamMalaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Sohana Abdul Hamid dan Hairun Najuwah Jamali (2017).Islam Transformatif: *Journal of Islamic Studies Vol.1, No.1, Januari-Juni 2017 Komunikasi Berkesan Membina SahsiahPelajar*.<http://ejournal.iainbukittinggi.ac.id/index.php/islamt/article/view/333/166>.